

# Singapura memang tidak mesra: PM

BH 12 OCT 2002

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat – Singapura tidak pernah bersetuju dengan sebarang cadangan Malaysia termasuk idea penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) dan Sekretariat Asean+3 yang dicadangkan beribu pejabat di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia cuba sedaya upaya untuk mempunyai hubungan yang lebih mesra dengan jiran tetangganya itu tetapi Singapura kerap menimbulkan permusuhan.

"Singapura memang macam itu, mereka menolak apa saja yang datang dari Malaysia. Kita mempunyai masalah dengan EAEC (Perundingan Ekonomi Asia Timur) kerana Singapura menolak.

"Kemudian mereka bertanya kita mengapa kita tidak mesra. Anda tahu, mereka sebenarnya tidak mesra. Kita cuba sebaik mungkin untuk lebih mesra tetapi ia tidak mungkin terjadi," kata Perdana Menteri selepas melancarkan Hari Penglihatan Sedunia 2002 di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok

Tong yang menolak secara terbuka penubuhan EAEG serta Sekretariat Asean+3 pada Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur, Forum Ekonomi Dunia di sini Rabu lalu.

EAEG diilhamkan oleh Dr Mahathir pada 1990 dan mendapat bantahan Amerika Syarikat kerana bimbang ia akan menjadi satu blok ekonomi. Berikutan itu, ia ditukar kepada Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan kini ia dinamakan semula EAEG.

Awal tahun ini, Malaysia mencadangkan penubuhan Sekretariat Asean+3 kerana mekanisme itu dilihat sebagai permulaan ke arah pembentukan rasmi EAEG.

Bagaimanapun, mesyuarat Menteri-menteri Luar Asean (AMM) di Brunei baru-baru ini gagal mencapai kata sepakat berhubung penubuhan sekretariat itu.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji cadangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) supaya dirumuskan kaedah bagi membolehkan polis mendapatkan perintah tahanan reman bila-bila masa, termasuk hujung minggu, cuti

umum atau selepas waktu pejabat.

Katanya, tindakan polis selama ini bukan bermakna menyalahgunakan keadaan itu kerana ketika membuat sebarang tangkapan, ia kebetulan berlaku pada hujung minggu atau cuti umum.

Pengerusi Suhakam, Tan Sri Abu Talib Othman baru-baru ini berkata langkah itu dapat menjamin seseorang yang ditangkap selepas waktu pejabat pada Sabtu, tidak perlu ditahan sehingga mahkamah dibuka pada Isnin berikutnya.

Mengenai dakwaan Suhakam bahawa kerajaan belum bertindak terhadap syor yang dikemukakan dalam siasatan terhadap perhimpunan haram di Lebuhraya KESAS dekat Jalan Kebun, Klang pada 5 November 2001, Dr Mahathir berkata:

"Saya tak tahu, saya terpaksa melihatnya (laporan) terlebih dulu. Saya tidak tahu butiran lanjut dan oleh itu saya tidak boleh mengulas."

Syor dalam laporan itu antara lain mencadangkan pindaan kepada akta polis dan peraturan yang berkaitan bagi menegahkan pencabulan hak asasi manusia oleh pihak berkuasa.